

KAJIAN KAEDAH HAFAZAN AL-QURAN DI SEKOLAH RENDAH ISLAM INTEGRASI (TAHFIZ) DARUL ULUM SRIIDU, SEREMBAN

Muhammad Humran Mohd Sani¹
Muhammadmuhaimin Harun²
Muhamad Iskandar Zulqarnain Ash'ari³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
(Humransani@Raudah.Usim.Edu.My)

²fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, (Muhaiminharun@Raudah.Usim.Edu.My)

³fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
(M.Iskandar@Raudah.Usim.Edu.My)

⁴Syed Najihuddin Bin Syed Hassan, Universiti Sains Islam Malaysia,
(Syednajihuddin@Usim.Edu.My)

Abstract: *Kaedah hafazan al-Quran merupakan amalan yang dilakukan oleh para penghafaz Al-Quran untuk menguasai hafazan 30 juzuk Al-Quran yang lengkap. Pelbagai kaedah yang digunakan oleh pelajar untuk dipelajari sendiri mahupun apabila disampaikan oleh guru. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejarah perkembangan sistem dan kaedah hafazan Al-Quran, mengkaji kaedah yang digunakan di dalam pembelajaran dan penghafazan Al-Quran serta kesannya terhadap pelajar Sekolah Rendah Islam Integrasi (Tahfiz) Darul Ulum SRIIDU, Seremban. Kajian ini menggabungkan metode kuantitatif dan kualitatif dimana borang soal selidik telah diedarkan di samping membuat temubual bagi mendapatkan maklumat responden yang terdiri dalam kalangan pelajar serta kajian turut menggunakan kajian perpustakaan. Kajian ini mendapati bahawa tahap amalan kaedah hafazan dalam kalangan responden secara umumnya adalah tinggi, namun ada sebahagian kaedah yang mendapat maklum balas yang rendah dan memerlukan perhatian. Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu untuk mengkaji apakah sistem pembelajaran dan kaedah hafazan Al-Quran yang paling berkesan di dalam mendalami ilmu Al-Quran.*

Keywords: *Hafazan, Kaedah, Al-Quran.*

Pendahuluan

Alhamdulillah segala puji dan syukur kami panjatkan kepada Allah ﷻ. Selawat dan salam kami ucapkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, para isteri dan keluarga baginda, para sahabat, seterusnya golongan yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga Hari Kiamat.

Tajuk bagi kajian kami kaedah hafazan bagi Sekolah Rendah Islam Integrasi Tahfiz Darul Ulum (SRIIDU), Seremban. Kajian ini dimulakan dengan pendahuluan, seterusnya permasalahan kajian, objektif kajian, tinjauan literatur, yang menceritakan perkembangan pusat tahfiz di Malaysia, kaedah hafalan yang digunakan dan sebagainya.

Terima kasih diucapkan kepada pihak Sekolah rendah Islam integrasi darul ulum (Tahfiz) yang bertempat di Seremban, terutamanya Ustazah Nur Hafizah binti Ahmad Tajudin kerana sudi untuk interview dengan kami dan juga Mudirah SRIIDU yang sudi menerima kami untuk melakukan kajian ini. Terima kasih kepada Dr Abdul Muhaimin bin Ahmad kerana membantu kami dalam menyiapkan kajian ini dan memberikan kami masa untuk menyiapkannya. Tidak dilupakan kepada semua kawan-kawan saya yang banyak memberi kerjasama dalam mengumpul maklumat dan menyiapkan tugas ini. Sumbangan daripada semua pihak amat dihargai. Tujuan salah satu kajian ini adalah untuk mengetahui tahap atau kaedah yang digunakan sekolah rendah terutama sekolah SRIIDU dalam menghafaz al-quran.

Al-Quran merupakan mukjizat agung daripada Allah SWT yang mengandungi petunjuk yang benar, cahaya dan peringatan bagi orang yang mengambil manfaat darinya. Ia berjaya mengubah orang jahiliah Makkah kepada generasi yang paling mulia dalam sejarah kemanusiaan. Allah membenarkan ayat-ayatnya meresap ke dalam hati manusia sehingga sampai ke jiwa seperti air meresap ke dalam tanah sehingga ia sampai ke dalam biji benih. Begitu lah juga tadabbur al-Quran, bila dilakukan dan diamalkan akan menyuburkan hati dan jiwa serta menghidupkan roh rabbaniyyah dalam diri seorang insan. (Zakaria, 2018)

Pendidikan al-Quran bermatlamat untuk membina masyarakat yang bertaqwa, masyarakat yang adil berasaskan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan dan masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sombong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran. Matlamat terpenting pendidikan al-Quran ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah. S.W.T. Dalam masyarakat yang dilanda arus globalisasi, pembelajaran al-Quran secara hafazan mampu menjadi pemangkin ke arah membentuk minda fotografi yang bakal melahirkan generasi yang hafiz, alim, da'i'e dan profesional sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran. (Abdullah, 2003)

Menurut Abu Mazaayaa, pada dasarnya, setiap seorang hafiz itu memiliki suatu metode atau cara masing-masing di dalam menghafaz al-Quran mengikut kesesuaian akalunya. Oleh yang demikian, setiap orang hafiz perlu memilih cara yang lebih berkesan, singkat masanya dan tahan lebih lama hafazannya. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti metode atau kaedah yang digunakan sekolah tahfiz di Sekolah Rendah Islam Integrasi Tahfiz Darul Ulum, mengenalpasti kelebihan dan kekurangan metode yang digunakan di sekolah tersebut serta menjelaskan kesan pengamalan metode tahfiz yang pelbagai di Malaysia.

Latar belakang Kajian

Perkembangan pengajian tahfiz di kebanyakan negeri di Malaysia bergerak mengikut hala tuju tersendiri berdasarkan kemunculan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat. Akibatnya, setiap usahawan negeri atau tahfiz terlalu bebas menggunakan mana-mana kurikulum dan kaedah

pengajaran dari mana-mana negara mengikut cita rasa dan latar belakang pendidikan individu guru terbabit. terdapat begitu banyak institusi tahfiz yang masing-masing menawarkan program pengajian tahfiz al-Quran dalam pelbagai bentuk dan kaedah. "Matlamatnya adalah untuk membuka ruang dan peluang kepada orang ramai yang berminat untuk menghafaz ayat-ayat suci al-Quran. "Namun konteks pengurusan adalah berbeza, Ia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kerajaan dan swasta. (Taha, 2019)

Terdapat beberapa kekurangan dari kaedah hafalan yang diguna pakai oleh sekolah SRIIDU adalah seperti mereka tidak mengamalkan kaedah traditional atau kaedah biasa ,mereka mengamalkan kaedah membaca dan mengulang sebanyak 80 kali tanpa menutup AlQuran , dan ini melambat hafalan, namun kaedah ini sesuai bagi mengingat hafalan dengan lebih lama.Sabda Nabi “Dikatakan kepada orang yang membaca (menghafalkan) Al Quran nanti : ‘Bacalah dan naiklah serta tartillah sebagaimana engkau di dunia mentartilnya. Karena kedudukanmu adalah pada akhir ayat yang engkau baca (hafal).’” (HR. Abu Daud no. 1464).

Permasalahan Kajian

Kajian berkenaan kaedah hafazan di Sekolah rendah Integrasi Ilmu Darul Ulum. Maklumat-maklumat awal mengenai kaedah hafazan ini diperolehi dengan mendapatkan maklumat daripada hasil lawatan dan tinjauan yang dibuat. Kajian ini dibuat bagi mencari kaedah hafazan yang berkesan bagi membantu Institut tahfiz melahirkan lebih ramai hufaz al-Quran. Sistem hafazan ini termasuklah kaedah untuk hafazan yang baru (dars jadid), kaedah mengekalkan hafazan yang lepas (sabiq) dan kaedah mengulang-ulang bacaan (taqrir/murajaah). Kegagalan para pelajar menguasai ketiga-tiga sistem ini mengakibatkan para pelajar gagal untuk menghafaz al-Quran pada tahap yang maksimum. Walaupun pembinaan sekolah/madrasah/Institut tahfiz al-Quran telah banyak berdasarkan kecenderungan dan permintaan dari umat Islam, namun sehingga kini tiada suatu modul yang efektif untuk dijadikan panduan kepada mereka dalam melahirkan lebih ramai hufaz al-Quran.

Menurut (Aznil et al., 2013), kaedah dalam pembelajaran tahfiz al-Quran merangkumi talaqqi dan musyafahah, tkrar, kefahaman, tasmi’, tadarus dan kitabah. Setiap sekolah mempunyai metode tersendiri. Metode yang digunakan di Sekolah rendah Integrasi Ilmu Darul Ulum Seremban dalam menghafal Al-Quran adalah memperbanyak dan mengulang-ulang bacaan ayat Al-Quran banyak kali sehingga ingat. Kaedah hafazan yang digunakan di sekolah ini adalah dengan membaca berulang kali pada setiap ayat, maksudnya pelajar akan membaca setiap ayat Quran sebanyak 80 kali sehingga benar-benar ingat. Di SRIIDU, mereka tidak menggunakan kaedah tradisional atau kaedah biasa yang mana pelajar menghafal Al-Quran dengan menutup Al-Quran dan menghafal tetapi sekolah ini mengambil pendekatan membaca banyak kali dengan secara tidak langsung akan dihafal.

Objektif Kajian

Objektif utama dalam kajian ini adalah seperti berikut;

- i. Mengenalpasti metode atau kaedah yang digunakan sekolah tahfiz di Sekolah Rendah Islam Integrasi Tahfiz Darul Ulum (SRIIDU)
- ii. Mengenalpasti kelebihan dan kekurangan metode yang digunakan di sekolah tersebut.
- iii. Menjelaskan kesan pengamalan metode tahfiz yang pelbagai di Malaysia.

Metodologi Kajian

Dalam menelusuri kajian ini, penyelidikan yang akan dijalankan akan lebih bersifat deskriptif kualitatif (*manhaj dirasah wasfiyyah*). Penelitian deskriptif secara umumnya adalah satu penelitian bukan eksperimen. Ia bermaksud untuk mengumpulkan informasi mengenai status sesuatu gejala yang ada, iaitu keadaan gejala menurut apa adanya pada ketika penelitian dilakukan.

Kajian Perpustakaan

Kajian ini adalah kajian deskriptif kualitatif yang secara umumnya akan menumpukan kepada metode kajian perpustakaan untuk memperoleh data-data yang diperlukan bagi menyokong dan memantapkan kajian. Untuk memperoleh sejumlah data yang bersumber daripada perpustakaan, akan digunakan metode penyelidikan perpustakaan (*library research*), iaitu dengan memperoleh, membaca, mentelaah serta mencatat teori-teori yang bersumber daripada buku-buku, jurnal, monograf, buletin dan pelbagai terbitan media cetak lainnya sebagai sumber-sumber, untuk mengangkat teori-teori yang mempunyai kaitan dan relevan dengan masalah yang diteliti. Sumber primer akan diperoleh daripada Sekolah Rendah Islam Integrasi (Tahfiz) Darul Ulum Sriidu, Seremban itu sendiri, terutamanya buku-buku rekod pelajaran (pencapaian akademik), rekod disiplin dan rekod kegiatan ko-kurikulum pelajar untuk mengukur kecemerlangan yang bersepadu yang menggabungkan aspek akademik dan aspek sahsiah.

Kajian Lapangan

Penyelidikan perpustakaan di atas akan diperkukuhkan, didukung dan disokong dengan penyelidikan lapangan (*field research*). Penyelidikan lapangan (*field research*) merupakan usaha mempelajari secara intensif tentang latar belakang keadaan sekarang serta interaksi lingkungan sesuatu lapangan (lokasi tertentu). Dalam kajian ini lapangan yang dipilih adalah lingkungan Sekolah Rendah Islam Integrasi (Tahfiz) Darul Ulum Sriidu, Seremban sahaja secara khusus.

Temubual.

Temubual ialah percakapan dengan maksud tertentu yang dilakukan antara penemubual (*interviewer*) yang mengemukakan pertanyaan dan orang yang ditemubual (*interviewee*) yang memberikan jawapan kepada pertanyaan itu. Temubual dijalankan dengan menemu bual para tenaga pengajar dan beberapa orang pelajar di Sekolah Rendah Islam Integrasi (Tahfiz) Darul Ulum Sriidu, Seremban.

Tinjauan literatur

Terdapat 3 perkara penting yang akan dibincangkan di dalam tinjauan literatur iaitu perkembangan pusat tahfiz di Malaysia, jenis dan kaedah hafazan yang diamalkan di pusat tahfiz dan cabaran serta kesan metod tahfiz yang diamalkan di pusat-pusat tahfiz seluruh Malaysia.

Perkembangan Pusat Tahfiz Di Malaysia

Bidang hafalan al-Qur'an di Malaysia bukanlah merupakan satu bidang yang baru. Ia berkembang sejak daripada pengajian di peringkat madrasah hingga peringkat pengajian tinggi (Mohamad Nazir & Shahrulkarnain, 2013). Namun begitu, pada awalnya, perkembangan pendidikan tahfiz berlaku secara perlahan disebabkan Tanah Melayu pada ketika itu masih berada di bawah penjajahan British (Mohd Yusof, 2015 ; Mohd Hairudin & Kamarul Azmi (2012). Pada ketika itu, pendidikan al-Qur'an yang berlaku lebih tertumpu kepada kemahiran membaca al-Quran (Nordin Ahmad, 2015). Selain itu, masyarakat di Tanah Melayu juga berhadapan dengan kekurangan kemudahan, prasarana fizikal, kewangan dan sebagainya. Ini menjadikan ilmu-ilmu berkaitan dengan Pendidikan tahfiz al-Quran terhenti kepada guru serta tidak dapat berkembang dengan meluas (Mohd Yusof, 2015). Pendidikan ini kemudiannya berkembang dengan pesat dengan tertubuhnya pusat-pusat tahfiz di Malaysia.

Maahad Tahfiz al-Qur'an di bawah selenggaraan kerajaan Malaysia secara rasmi telah ditubuhkan pada tahun 1966 atas saranan Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj dan beroperasi di Masjid Negara, Kuala Lumpur (Wan Mohamad, 2010). Saranan yang dibuat ini menggambarkan pengiktirafan kepada pengajian tahfiz di Malaysia. Ia merupakan langkah bijak bagi meletakkan pengajian tahfiz dalam bentuk pengajian rasmi dan diiktiraf dengan kurikulum yang digubal secara tersusun berdasarkan keperluan dan syarat yang diperlukan. Sehingga tahun 2017, sebanyak 571 buah institusi tahfiz berdaftar diseluruh negara telah dicatatkan

(<http://www.islam.gov.my>). Pengiktirafan ini menyusul lagi dengan penawaran Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Qur'an dan Qira'at oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2019.

Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu untuk membaca, menghafaz dan memahami al-Quran. Pengajian tahfiz juga telah diperkenalkan sejak zaman pra kolonial lagi dan mula diinstitusikan setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Pembangunan pendidikan agama di negara menunjukkan kemajuan yang sangat positif dengan adanya Kelas Pengajian Menghafaz al-Quran sejak dari dulu lagi hingga kini. Kesedaran terhadap kepentingan al-Quran juga telah ditunjukkan masyarakat melalui pengajian tahfiz. Terdapat institusi tahfiz di bawah kerajaan namun tidak mampu untuk menampung jumlah permintaan yang tinggi daripada masyarakat. Kesannya telah membuka ruang dan peluang bagi pembukaan institusi tahfiz swasta dan persendirian bagi memenuhi permintaan yang banyak ini. (Ab Rahman, A., Sukari, A., Nozlan, N. N., Zakaria, M. A., & Shakor, M. F. A. 2020).

Penubuhan Ma'ahad Tahfiz di bawah kerajaan Negeri di seluruh negara menggunakan sukatan pelajaran Ma'ahad Tahfiz Darul Quran, JAKIM. Pada tahun 1983 sijil yang dikeluarkannya diiktiraf setaraf dengan Diploma ITM (sekarang dikenali dengan nama UiTM) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma tersebut diiktiraf oleh universiti dalam negara seperti UM, UKM, UIAM dan KUIIM. (JAKIM, 2002: 30) Dengan pengiktirafan tersebut ramai pelajar-palajar lepasan Maahad Tahfiz JAKIM telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda dalam negara. Terdapat juga para pelajar yang menyambung pelajaran ke peringkat sarjana selepas selesai pengajian mereka di peringkat sarjana muda. Situasi ini akan merancakkan lagi perkembangan menghafaz al-Quran di era IT dan dunia tanpa sempadan ini. (Afaf Abdul Ghafor Hameed, 2003)

Maahad tahfiz swasta yang terawal ditubuhkan ialah Maahad Tahfiz al-Quran Kubang Bujuk, Terengganu. Maahad Tahfiz al-Quran ini telah ditubuh dan didaftarkan di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) pada tahun 1982. Maahad Tahfiz ini menerima penuntut yang agak ramai dari kalangan kanak-kanak yang berusia dua belas tahun dari seluruh Malaysia. Peringkat kelas di maahad ini dibahagikan kepada tiga: kelas Nazari untuk pelajar melancarkan al-Quran, Kelas Tahfiz iaitu kelas menghafaz al-Quran dan Kelas Alim untuk mempelajari kitab-kitab. Pelajar mesti menghabiskan Kelas Tahfiz sebelum mengikuti Kelas Alim. Guru-guru yang mengajar di sini kebanyakannya adalah lepasan dari India dan Pakistan. Antara sumbangan mereka ialah pelajar-pelajar digalakkan menjadi imam terawih dan mengkhataamkan bacaan mereka dalam bulan Ramadhan tersebut. Maahad Tahfiz ini juga merupakan pusat Jamaah Tabligh melakukan aktiviti mereka samada mingguan atau tahunan. (Abdullah, et al. 2005)

Jenis Atau Kaedah Hafazan Yang Dipraktikkan Di Pusat Tahfiz

Kaedah Doebandy dari India

Perkataan Deobandy merujuk kepada wilayah Deoband yang terletak di dalam daerah Uttar Pradesh India. Wilayah ini terkenal dengan Al-Jami'ah al-Islamiah Dar al-'Ulum Deoband. Pusat pengajian ini ditubuhkan pada 15 Muharram 1283H bersamaan 30 Mei 1867M. Idea penubuhan madrasah ini tercetus selepas bemulanya penjajahan Inggeris di India dan terhapusnya pemerintahan Islam dari benua India (Faisal Ahmad Shah, 2009). Kaedah hafalan Deobandy mula meresap masuk ke Malaysia bermula dari penubuhan Maahad tahfiz di Malaysia pada tahun 1981 (Sedek Ariffin dan Mustaffa Abdullah, 2016). Kaedah ini berkait rapat dengan jemaah Tabligh. Mereka telah membawa guru tahfiz daripada India untuk menjadi tenaga pengajar di Ma'had Tahfiz di bawah kelolaan mereka. Sehingga kini, kaedah ini masih lagi digunakan di beberapa pusat tahfiz di Malaysia.

Kaedah Turki Uthmani

Kaedah Turki Uthmani ini dibawa oleh Syeh Sulaiman Hilmi Tunahan. Beliau adalah tokoh Islam yang hidup pada masa pemerintahan Mustafa Kamal Atatürk. Beliau berdakwah dan mendirikan madrasah secara sembunyi-sembunyi karena pada masa itu menyebarkan dakwah Islam dilarang. Beliau pernah dipenjara karena dianggap menentang pemerintahan. Namun, berkat doa, kesabaran, usaha, kerja keras dan dukungan dari muridnya, akhirnya beliau mendirikan Pesantren yang dinamakan Sulaimaniyah. Beliau hidup di tiga masa iaitu zaman

khalifah Turki Uthmani sebagai murid, zaman khalifah Turki Uthmani sebagai ustaz dan zaman pergantian Kekhalifahan Turki Uthmani menjadi Negara Turki (Hervina, 2018). Kaedah ini kemudiannya dibawa daripada Tahfiz Tuba Kiz Quran Kusu Suadiye Istanbul Turki (Sedek, 2011).

Menurut Abdul Hafiz & Norhanan (2010), keunikan kaedah hafalan Turki ini antaranya ialah mengemukakan hafalan dari helaian belakang untuk tiap-tiap juzuk. Muka surat akhir pada setiap juzuk ini digelar sayfar 1 dalam bahasa Turki yang bermaksud muka surat pertama bagi hafalan kaedah ini. Oleh itu, Model Turki Utsmani disebut juga dengan model urut mundur, sebab menghafal Al-Qur'an dengan model Turki Utsmani memiliki urutan menghafal yang tidak lazim menurut metode-metode umum. Jika metode menghafal pada umumnya memulai hafalan dari halaman pertama (dari juz yang akan dihafal), maka menghafal dengan model Turki Utsmani dimulai dari halaman terakhir (halaman ke-20 dari setiap juz). Sedek Ariffin (2011) menyatakan dalam kaedah ini pelajar akan melalui dua fasa yang penting iaitu kelas kelancaran dan kelas hafalan. Keunikan kaedah ini ialah ia sangat menekankan soalan tajwid al-Quran dan hafalan dari arah belakang. Secara keseluruhannya, kaedah ini merangkumi beberapa langkah iaitu khatam 10 Kali, CHI (hafalan baru), Zor Pismis (melancarkan hafalan lama yang susah), Kolay Pismis (melancarkan hafalan lama yang mudah), Tekrar (ulangan lama keseluruhan), Tekrar Hepsy Seyfa (mengulang semua muka surat), Has (mengulang mengikut susunan juzuk 1- 30).

Menurut Yahya Muhammad (2004), terdapat empat langkah dalam Menghafal berdasarkan Model Turki. Pertama membiasakan membaca Al-Qur'an dengan melihat mushaf, dimulai dengan mengajarkan cara membaca al-Qur'an sehingga menguasai bacaan dengan baik. Kedua menghafal dengan memakai mushaf yang membagi 1 juz menjadi dua puluh halaman dan setiap halaman menjadi lima belas baris. Ketiga menghafal halaman terakhir pada juz pertama, pada hari kedua menghafal pada halaman terakhir juz dua dan seterusnya sehingga menghafal 30 halaman setiap akhir juz Al-Qur'an. Keempat Menghafal halaman sebelum terakhir juz pertama, pada awal bulan kedua, pada hari kedua menghafal halaman sebelum terakhir juz dua dan begitulah seterusnya hingga hafal 30 halaman sebelum halaman berakhir setiap juz. Langkah-langkah ini berterusan sehingga hafalan keseluruhan al-Qur'an tamat.

Kaedah Jibril

Kaedah ini direka khas bagi sesiapa sahaja yang ingin menghafal surah-surah popular. Kaedah ini dinamakan Kaedah Jibril bersempena dengan nama malaikat Jibril yang ditugaskan sebagai penghantar wahyu. Terdapat beberapa strategi asas dalam kaedah ini. Strategi tersebut adalah menghafal tiga baris sehari dalam tempoh 30 minit sehari dan pengulangan dilakukan sebanyak tiga kali pada setiap waktu solat. Kaedah ini juga boleh diubahsuai dengan cara menghafal dalam tempoh lima hari sahaja dengan setiap hafalan melibatkan tiga baris sehari. Hari hafalan melibatkan hari bekerja iaitu Isnin hingga Jumaat supaya ia tidak berasa terlalu membebankan. Ini akan membuatkan hafalan tersebut menjadi rutin seharian. Waktu hujung minggu digunakan sebagai hari mengulang. Hujung minggu merupakan waktu meluangkan masa untuk diri dan keluar sambil mengulang bacaan 15 baris hafalan dalam minggu tersebut (Mohammad Asyraf 2015).

Kaedah Efektif Hafalan Al-Qur'an

Abdul Hafiz Abdullah et. al (2005) menerusi kajian beliau menyatakan kebanyakan responden bersetuju bahawa sistem pembelajaran yang paling berkesan di dalam mendalami ilmu menghafaz al-

Quran ini adalah melalui bimbingan yang diberikan oleh guru mereka. Kecenderungan ini adalah berdasarkan kepada nilai min yang dicatatkan iaitu 4.73 yang berada pada tahap persetujuan yang tinggi daripada responden terhadap pernyataan ini. Faktor ini mungkin disebabkan oleh bimbingan yang diberikan oleh tenaga pengajar atau guru di institusi pengajian tahfiz inilah yang menjadi tunjang utama kepada pembentukan dan juga pendedahan para huffaz di dalam ilmu hafalan al-Quran. Ini menunjukkan kaedah hafalan bukan menjadi penentu utama dalam memastikan penguasaan hafalan yang baik dalam kalangan huffaz. Dalam waktu yang sama. Ini menunjukkan guru adalah individu yang paling penting di dalam menyampaikan dan juga membimbing para pelajar mempelajari dan mendalami sesuatu ilmu. Menurut Abdul Hafiz Abdullah et. al, (2005) juga, hasil analisis juga menunjukkan pendekatan yang sesuai dengan pelajar adalah penting bagi mewujudkan suatu sistem pembelajaran yang berkesan di sesebuah institusi pengajian agar matlamat pembelajaran itu dapat diterapkan dengan sebaik mungkin kepada para pelajar lebih-lebih lagi di dalam ilmu al-Quran ini.

Perkara yang paling utama, pelajar-pelajar tahfiz perlu mengambil berat terhadap mutu bacaan hafazan mereka apabila dapatan kajian menunjukkan mereka sentiasa menitikberatkan aspek-aspek seperti kelancaran, tajwid, makharij huruf dan kefasihan menyebut huruf-huruf al-Quran. Hal ini amat penting dalam melahirkan huffaz yang mempunyai bukan sahaja hafazan yang baik malah bacaan al-Quran yang berkualiti tinggi. Ini selari dengan dapatan Abdul Hafiz et al. (2005) yang menunjukkan bahawa, kelancaran di dalam pembacaan al-Quran memberikan pengaruh yang besar kepada para huffaz di dalam menghafaz al-Quran. Oleh sebab itu, untuk mempercepatkan proses mengingat hafazan yang dibuat, para huffaz terlebih dahulu melancarkan pembacaan bagi ayat yang ingin dihafaz.

Cabaran Dan Kesan Metod Tahfiz Diamalkan Di Pusat Tahfiz.

Cabaran dan isu dihadapi Ma'had Tahfiz di Malaysia.

Perkembangan pengajian tahfiz di Malaysia kebanyakan negeri bergerak dengan haluan sendiri berdasarkan kemunculan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat. Akibatnya setiap negeri atau pengusaha tahfiz terlalu bebas memakai mana-mana kurikulum dan kaedah pengajaran dari mana-mana negara mengikut rasa dan latar belakang pendidikan individu guru berkenaan (Azmil Hashim 2010).

Faktor yang telah dikenalpasti punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini adalah kelemahan dalam kaedah pengajaran tahfiz dan guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz (Mohamad Marzuqi 2008; Azmil Hashim 2010) walaupun mereka bersetuju dengan berkeyakinan penggunaan teknologi membantu dalam meningkatkan mutu hafazan al-Quran. (Mohamad Marzuqi 2008)

Antara isu yang dikenal pasti dibangkitkan dalam pendidikan tahfiz yang pertama ialah pengurusan pendidikan tahfiz yang lemah. Kamarudin (1989) menyatakan bahawa pengetua merupakan watak utama di dalam sistem sekolah. Manakala menurut Alimuddin (2006) pula, kecemerlangan sesebuah sekolah bermula dari peranan pentadbir. Dalam kajian lain, Zainal (1987), sebagai seorang pentadbir, pengetua perlu membawa pegawai-pegawai di bawahnya dan keperluan organisasi ke dalam bentuk kesepaduan bagi mencapai operasi yang berkesan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa ketua dalam sesebuah organisasi terutamanya institusi tahfiz ini perlu lebih kreatif, bijak merangka strategi dan yang lebih penting mereka ialah ahli dalam bidang tahfiz ini.

Kajian yang dilakukan oleh Yahaya, M., Rasheed, Z. N., & Selamat, A. F. (2018) mendapati konsep kesepaduan disifatkan masih lemah kerana ketiadaan model yang jelas dan ketiadaa guru yang berwibawa. Konsep kesepaduan yang wujud di institusi tahfiz terutamanya institusi tahfiz sains sangat berat dan mencabar kemampuan pelajar. Dalam kajian Hisham (2014) menyatakan bahawa komponen

agama dan ilmu waqie secara serentak dalam satu sesi pembelajaran beserta dengan subjek hafazan yang ada, mengakibatkan waktu pembelajaran terlampau padat. Akibat dari sistem ini, pelajar perlu belajar selama hampir 12 jam bermula dari jam 7.30 pagi sehingga 4.30 petang dan bersambung dengan kelas tambahan di sebelah malam. Kajian Mardhiah (2017) menyatakan bahawa, punca pelajar tidak dapat menghabiskan muqarar al-Quran kerana masa yang terlalu padat dan kegagalan pelajar mengatur masa dengan baik.

Kesan Pengamalan Metod Tahfiz Yang Pelbagai Di Malaysia.

Menurut Zakaria, et al. (2018) amalan pembelajaran pelajar tahfiz meliputi gaya dan strategi pembelajaran di maahad-maahad tahfiz diamalkan dalam bentuk yang pelbagai. Di samping amalan pembelajaran sendiri, amalan pembelajaran yang bersifat kolaborasi seperti berkolaborasi dengan guru atau pun rakan sebaya didapati menghasilkan impak yang maksimum dan berkesan. Dapatan kajian ini mendapati tiga komponen penting dalam menghafaz al-Quran telah dipraktikkan dalam amalan pembelajaran pelajar tahfiz iaitu membaca al-Quran secara tartil (Tilawah), menghafaz (Hifz) dan kebolehan menulis keseluruhan al-Quran secara sempurna tanpa kesilapan (Darrasi) (Taiwo 2014), namun masih belum mencapai tahap yang optimum. Dapatan kajian ini seharusnya menjadi titik tolak kepada pelbagai institusi yang mengadakan program pengajian tahfiz agar mengenal pasti dan memperkenalkan amalan pembelajaran tahfiz yang lebih efektif dalam kalangan pelajar mereka.

Menurut Masahuri binti Sampe (2001/2002) menyimpulkan bahawa faktor utama keberkesanan hafazan al-Quran di Maahad Tahfiz al-Quran al-Itqan terletak pada metode atau kaedah hafazan yang dibangunkan sendiri oleh pengasasnya iaitu Ustaz Shafie. Menurut kaedah tersebut seseorang pelajar akan diberikan bacaan nazirah sebelum diberikan tugas mengulangi ayat tersebut mengikut keperluan jadual ulangan yang dibekalkan kepada setiap pelajar. Jadual tersebut akan dicatit di rumah oleh ibu bapa atau penjaga pelajar berkenaan yang sekaligus bertindak sebagai orang yang mengawal selia terhadap proses hafazan. Ayat-ayat yang telah dihafaz dan dicatitkan itu akan ditasmi,,kan kepada guru muhaffiz di dalam kelas pada keesokan harinya.

Menurut Mohd Abdul Nasir Abd Latif & Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi (2020) dalam kajiannya menyatakan Pembinaan modul Kaedah hafalan al-Qur'an yang menitikberatkan pemahaman makna merupakan satu usaha berterusan dalam usaha untuk memantapkan pendidikan tahfiz. Modul prototaip yang dihasilkan dibina berasaskan tema utama yang terdapat dalam al-Qur'an iaitu tema Akidah, Ibadah, Adab dan Akhlak, Qasas dan Sains. Pecahan tema ini kemudiannya menjadi asas terhadap pembahagian dalam mengaplikasikan kaedah hafalan secara bertema. Modul hafalan yang dibina ini juga disertakan dengan teknik-teknik hafalan yang menitikberatkan penguasaan makna mengikut pecahan tema-tema yang telah dibincangkan. Kaedah yang dikemukakan ini telah diuji keberkesanannya kepada golongan sasaran. Modul ini telah mendapat pandangan yang positif dari guru-guru yang telah menggunakannya pada fasa pelaksanaan (implementation).

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Tarikh Penubuhan Maahad:



Nama penuh bagi pusat pengajian ini adalah Sekolah Rendah Islam Integrasi Tahfiz Darul Ulum (SRIIDU) yang terletak di Seremban. Pertama kalinya diasaskan pada tahun 2009 di Rasah Jaya oleh beberapa siswazah Universiti Al-Azhar, Mesir. Ia ditubuhkan atas dasar kesedaran untuk melahirkan ulama professional yang mampu menguasai dengan sempurna ilmu-ilmu Al-Quran dan As-Sunnah yang akan memimpin masyarakat pada masa akan datang. Nama mudirah bagi sekolah ini adalah Puan Wan Rokiah binti Wan Yahya.

Kemudian, pada tahun 2015 bangunan baharu telah dibina di Seremban dan berpindah ke sana. Sekolah rendah islam integrasi (tahfiz) darul ulum telah didaftarkan mengikut peruntukan di bawah seksyen 13(3) Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1996 dengan nombor pendaftaran 41-123/2011 berkuatkuasa pada 2 Jun 2011. Cawangan bagi sekolah rendah darul ulum ada enam; Seremban, Kuala Pilah, Gemas, Jempol, Port Dickson, dan yang terbaru di Rembau pada tahun 2022. Selain itu terdapat juga taska, pra-sekolah, dan lain-lain. Terdapat hanya satu cawangan darul ulum bagi sekolah menengah iaitu di Gentam. Selain itu, terdapat juga pondok yang terletak di jalan menghala ke Kuala Pilah dan tanah pondok tersebut adalah waqaf dari orang awam.

Antara visi dan misi sekolah ini adalah menerajui institusi Tahfiz Islam dalam Pendidikan professional bersepadu dan melahirkan Generasi al-hafiz cilik yang profesional melalui pengurusan strategik dan dinamik dengan sistem pendidikan berintegriti dan berinovatif.

Objektif sekolah ini adalah melahirkan pelajar cemerlang dalam hafazan dan ilmu Quran, meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik dan fardhu ain, dan membentuk akidah, sahsiah dan jati diri Muslim yang sejati.

Pengurusan Sekolah

Sekolah Rendah Islam Integrasi Tahfiz Darul Ulum ini menawarkan pengajian ilmu-ilmu dan hafazan Al-Qur'an, akademik dan kafa untuk melahirkan generasi yang mahir dalam bidang hafazan serta mahir juga dalam bidang akademik tanpa mengabaikan salah satunya. Pengurusan jadual harian bagi pelajar di sini bermula daripada awal pagi, iaitu bermula dengan aktiviti para pelajar menulis jurnal. Pelajar boleh bercerita tentang pengalaman atau cerita-cerita pada waktu semalam di dalam kertas jurnal tersebut. Selepas aktiviti menulis jurnal, pelajar akan menunaikan solat dhuha dan bermain pada waktu pagi. Main pada waktu pagi ada kaedah khusus yang diambil daripada Indonesia untuk melatih perkembangan otak dan mental pelajar. Selepas itu, pada pukul 8.40 pelajar akan mula dengan kelas Al-Quran. Majoriti kelas akan memulakan dengan pembelajaran Al-Quran namun terdapat juga yang mulakan dengan pengajian akademik. Sesi pembelajaran akan tamat pada pukul 3 petang dan pelajar akan dibenarkan pulang selepasnya itu kecuali hari rabu kerana ada sukan dan kokurikulum. Kaedah yang digunakan dalam pengurusan sama dengan sekolah ulul albab iaitu menitikberatkan dengan ilmu Al-Quran, akademik dan kokurikulum.

Daripada maklum, sekolah yang terbaik adalah sekolah yang dapat diurus dan ditadbir dengan baik. Hal ini kerana pengurusan yang baik akan memberikan kemudahan kepada pelajar dan dapat menyediakan tempat yang kondusif kepada pelajar untuk belajar ilmu. Disebabkan sekolah ini yang merangkumkan pembelajaran ilmu Al-Quran, Hafazan dan kafa kepada pelajar sekolah rendah maka pengurusannya bukanlah sesuatu yang mudah. Pengurusan yang baik akan memberikan kesan yang besar supaya pembelajaran dan pengajaran sekolah akan berjalan dengan baik. Untuk itu, kami akan membentangkan carta organisasi bagi sekolah darul ulum di seremban seperti yang berikut:

Bilangan Pengajar Dan Pelajar

Di SRIIDU Seremban memfokuskan dengan pengajaran dan hafazan Quran. Sebelum ini, guru yang sama mengajar Al-Quran dan akademik namun sekarang guru quran hanya memfokuskan dengan pengajaran Quran. Jumlah guru yang mengajar Al-Quran adalah seramai 12 orang. Kelas yang terdapat di SRIIDU Seremban sebanyak 12 kelas. Maka setiap guru Al-Quran akan mengajar satu

kelas. Jumlah pelajar di sekolah ini pula seramai 300 orang di mana setiap kelas bilangannya 20-30 orang. Satu kelas bercampur antara lelaki dan perempuan mengikut kaedah moden di mana jika tradisional dipisahkan antara lelaki dan perempuan.

Pencapaian

Antara pencapaian sekolah ini yang cemerlang adalah:

- 1) Sekolah terbaik negeri, dengan gred purata sekolah sebanyak 1.02 bagi ujian pencapaian kelas kafa (UPKK) pada tahun 2019, di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).
- 2) Sekolah agama rakyat/Swasta terbaik (SAR/SWASTA) daerah Seremban pada tahun 2017 sempena Apresiasi Pendidikan, di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
- 3) Anugerah Khas Sekolah Cemerlang 8A Ujian Penilaian kelas kafa (UPKK) Terbaik 2018 sempena Apresiasi Pendidikan, di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
- 4) Ahli persatuan institusi tahfiz dan pondok negeri sembilan (PANTAS/PINTA Negeri Sembilan) pada tahun 2020.
- 5) Terlibat dengan program "Intellectual Brainstorming" Sektor Tahfiz Akademi Darul Ulum (ADU) pada tahun 2019.

Selain itu, sekolah ini juga terlibat dengan pertandingan acara renang, hafazan dan tilawah Al-Quran. Antara pencapaian hafazan Qur'an juga adalah pelajar yang berjaya menghabiskan hafalan 30 juzuk dalam tempoh 7 bulan menggunakan kaedah STIFin Personality. Namun kaedah ini sudah tidak digunakan di sekolah tersebut.

Metode Tahfiz Al-Quran Yang Digunakan Di SRIIDU

Metode yang digunakan di Sekolah rendah Integrasi Ilmu Darul Ulum Seremban dalam menghafal Al-Quran adalah memperbanyakkan dan mengulang-ulang bacaan ayat Al-Quran banyak kali sehingga ingat. Jadual di sekolah tersebut antaranya hafazan Quran, akademik dan Kafa. Jadual akan bertukar ganti, ada menghafal Al-Quran kemudian belajar akademik dan seterusnya. Kaedah hafazan yang digunakan di sini adalah membaca berulang kali pada setiap ayat, maksudnya pelajar akan membaca setiap ayat Quran sebanyak 80 kali sehingga benar-benar ingat. Di SRIIDU, mereka tidak menggunakan kaedah tradisional atau kaedah biasa yang mana pelajar menghafal Al-Quran dengan menutup Al-Quran dan menghafal tetapi sekolah ini mengambil pendekatan membaca banyak kali supaya secara tidak langsung akan dihafal contohnya surah Fatimah yang dihafal kerana mendengar dan membaca banyak kali. Kaedah ini menghafal tanpa menghafal. Pada zaman awal penubuhan sekolah ini ada juga menggunakan kaedah tradisional tetapi dimodenkan mengikut masa ke semasa.

Jadual untuk kelas Al-Quran ada 3 iaitu Quran 1(Q1), Quran 2(Q2) dan Quran 3(Q3). Untuk penjelasan lebih jelas tentang Q1, Q2, dan Q3 adalah seperti berikut:

- 1) Q1-Sabaq: Pelajar akan menghantar hafalan baharu. Maksudnya pelajar akan memperdengarkan bacaan hafazan Quran yang baharu selepas membacanya 20 kali.
- 2) Q2-Musyafahah: Pelajar akan baca semula kepada guru hafalan sebelumnya dan jika guru benarkan maka pelajar akan meneruskan bacaan sebanyak 60 kali. Pembacaan sebanyak 60 kali tidak terhad dalam kelas bahkan boleh di mana sahaja, di rumah atau kantin dan lain-lain. Pelajar perlu tanda dalam borang setiap kali selesai baca. Satu ayat dibaca sebanyak 60 kali.
- 3) Q3-Sabki: Yang bermaksud pengulangan, pelajar akan mengulang hafalan yang lama. Contoh jika di hafalan baru juzuk 1 maka pelajar akan mengulang juzuk 30. Kerana turutan hafalan di sekolah ini adalah juzuk 30, kemudian juzuk 1, kemudian juzuk 2, kemudian juzuk 3 dan seterusnya.

Pelajar yang masih di peringkat Muqaddam juga akan menggunakan kaedah ini. Jumlah yang perlu dihafal oleh pelajar mengikut tahap kemampuan pelajar. Jika pelajar yang laju dalam menghafal maka ayat yang perlu dihafal bertambah dan begitu juga jika sebaliknya. Antara sebab pembahagian Q1, Q2 dan Q3 adalah bagi memudahkan pelajar memahami Langkah-langkah dalam menghafal.

Istilah Yang Digunakan Di Sekolah Tersebut:

Sabak

Merupakan hafalan baru yang akan guru perengarkan setiap hari kepada pelajar. Sabak juga dikenal dengan istilah “setoran”. Hafalan baru bergantung kepada kemampuan dan kesungguhan seorang pelajar. Lamanya waktu yang disarankan untuk menambah hafalan atau sabak adalah 45 menit. Ada pelajar yang terlalu bersemangat, mereka mahu menghafal banyak dalam satu hari tetapi waktu yang dia sediakan sedikit, seperti ini sebenarnya mereka telah menyalahgunakan pembahagian waktu walaupun mereka dapat hafal banyak. Menghafal banyak dengan tempoh waktu yang sedikit akan mengakibatkan hafalan menjadi lemah kerana waktu mengulang sudah terbatas.

Sabki

Mengulang hafalan pada juz-juz yang sedang pelajar hafal. Bagi beberapa guru tahfiz, seringkali istilah ini belum biasa bahkan asing di telinga mereka, sistem ini belum popular dan tidak digunakan secara rasmi di beberapa sekolah Tahfiz. Namun bagi saya ia adalah bahagian yang sangat penting. Contoh mudah Sabki adalah jika pelajar sedang menghafal juz 5 halaman ke 8 maka halaman 1 sampai halaman ke 7 disebut Sabki.

Talaqqi

Pertemuan antara guru dan pelajar secara bersemuka. Guru memberi contoh bacaan kepada sekumpulan pelajar, kemudian pelajar mengikut bacaan guru secara beramai-ramai.

Musyafahah

Pelajar menerima pengajaran secara dengan sebutan guru, melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya (mengikut). Guru memberi contoh bacaan kepada seorang pelajar kemudian pelajar itu mengikut contoh bacaan guru secara individu. Dalam kaedah talaqqi musyafahah, pelajar yang mempelajari al-Quran mesti berhadapan secara langsung kepada gurunya. Faktor ini sangat ditekankan supaya pelajar tahu betul secara amali bagaimana pelaksanaan semua hukum-hukum tajwid dalam bacaan yang meliputi makhraj-makhraj huruf, sifat-sifat huruf dan lain-lain hukum tajwid.

Implikasi Kajian

Secara umumnya kajian mendapati bahawa masih terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan dalam pembelajaran tahfiz al-Quran yang perlu kepada penambahbaikan dan peningkatan. Implikasinya dapat dirumuskan seperti berikut:

Amalan talaqqi dan musyafahah dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran merupakan kaedah yang paling asas dalam pendidikan tahfiz yang seharusnya diamalkan secara meluas oleh pensyarah dan pelajar. Melalui kaedah talaqqi dan musyafahah, kaedah tasmi' untuk mentashihkan hafazan, mengukuhkan hafazan dan melakukan penilaian terhadap hafazan dapat diamalkan dan serentak. Di samping itu juga kaedah tadarus bersama rakan-rakan juga dapat berperanan dalam mentashihkan hafazan, mengukuhkan hafazan dan melakukan penilaian terhadap hafazan. Kekuatan hafazan seseorang pelajar berkait rapat dengan sejauhmana jumlah takrar yang dilakukan oleh pelajar. Oleh yang demikian kaedah takrar juga merupakan kaedah paling asas dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz.

Kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian oleh pelajar dan pengajar. Pengajar kurang memberi penekanan dan penjelasan terhadap kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Oleh yang demikian matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Dari segi teknik murajaah majori pelajar berada pada tahap kurang memuaskan, justeru panduan murajaah hendaklah dibangunkan berdasarkan permasalahan utama pelajar yaitu faktor kekangan masa dan kemampuan serta strategi mengatur jadual antara murajaah al-quran dan aktiviti aktiviti lain. Panduan yang berkonsepkan empat kunci utama yaitu kesedaran, kesungguhan, istiqomah dan kesabaran juga perlu diberi penekanan supaya teknik murajaah yang menjadi kelemahan dalam kalangan pelajar terutamanya pemantapan hafazan sebelum tasmik dan pengukuhan hafazan baru selepas tasmik dapat dimantapkan.

Di samping itu juga kaedah penulisan juga amat kurang diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz sama ada pensyarah atau pelajar juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Peranan kaedah penulisan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz kurang mendapat pendedahan di kalangan pensyarah dan pelajar sedangkan kaedah penulisan ini turut berperanan dalam mengukuhkan hafazan terutama pada ayat-ayat yang sukar dihafaz

Oleh yang demikian amalan talaqqi dan musyafahah, tasmi", takrar, dan murajaah merupakan kaedah paling utama yang seharusnya diberi perhatian dalam pembelajaran tahfiz. Manakala kaedah kefahaman dan penulisan dalam pembelajaran tahfiz juga tidak boleh diabaikan dan juga perlu diberi keutamaan agar objektif pembelajaran tahfiz terhasil sepertimana yang telah ditetapkan.

Kesimpulan

Kajian ini telah menunjukkan tahap amalan pembelajaran tahfiz yang dilakukan oleh pelajar tahfiz. Teknik-teknik yang pelbagai melalui amalan pembelajaran tahfiz yang diamalkan oleh pelajar tahfiz mempunyai perkaitan yang kuat dengan pencapaian dan kualiti hafazan. Oleh yang demikian aspek teknik dan elemen-elemen yang lebih kecil di dalam amalan pembelajaran tahfiz perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak dalam merangka kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahfiz.

Rujukan

- Ab Rahman, A., Sukari, A., Nozlan, N. N., Zakaria, M. A., & Shakor, M. F. A. (2020). *Dasar Pemerkasaan Institusi Tahfiz Di Malaysia*. e-ISBN: 978-967-440-859-6
- Abd Hamid, M. H., Isa, A. A. M., & Ishak, H. (2021). Faktor pembelajaran tahfiz program huffaz profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): Implementaton of learning tahfiz program of professional huffaz at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 596-605.
- Abd Latif, M. A. N., & Hadi, A. Z. S. A. (2020). Pembinaan Modul Hafalan Al-Qur'an Berdasarkan Tematik Ayat Bagi Membantu Penguasaan Pemahaman Al-Qur'an Dalam Kalangan Huffaz. *O-Jie: Online Journal Of`Islamic Education*, 8(1), 1-26.
- Abdul Hafiz Haji Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat @ Darawi. 2005. Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Qur'an yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. *Projek Penyelidikan. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Abdullah, A. H., & Abdul Rahman, N. (2010, October 4). *Kaedah Hafazan al-Quran sistem turki: Kajian di Tahfiz al-Quran darul tuba*. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. Retrieved November 29, 2022, from <http://eprints.utm.my/id/eprint/10459/>

- Ashraf Ismail. 2018. Amalan pengajaran pensyarah tahfiz di maahad tahfiz al-Quran kelolaan JAKIM. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.*
- Azman C.M.1*, Wan Ainun Sailah W. A.2, Azarudin A.3, Wan Noor Hazlina W. J.4. (n.d.). *Welcome to UiTM Institutional Repository.* Welcome to UiTM Institutional Repository - UiTM Institutional Repository. Retrieved November 29, 2022, from <https://ir.uitm.edu.my/>
- Azmil Hashim (2010). Penilaian perlaksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
- Azmil Hashim, Ab.Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2013. Latar Belakang guru tahfiz dan amalan teknik pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 1(1): 28-39.
- Hafiz, A. & Hasimah, M. 2003. Kaedah hafazan al-Quran yang Sistematis dan Praktikal dalam Melahirkan Para Huffaz yang Rasikh. *Pusat Pengajian Islam dan Sosial.* Universiti Teknologi Malaysia.
- Mardiah Yahaya (2017). Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA. (Tesis Sarjana) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mustaffa, M. (2010). *Hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar: kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007/Muhaidi Hj. Mustaffa* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Nor Musliza Mustafa & Dr. Mokmin Basri. (n.d.). *Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran tradisional Dan Moden: Satu Kajian ...* research gate. Retrieved November 29, 2022, https://www.researchgate.net/publication/278383374_PERBANDINGAN_KAEDAH_HAFAZAN_AL-QURAN_TRADISIONAL_DAN_MODEN_SATU_KAJIAN_AWAL
- Scribd. (n.d.). *Hafazan Sekolah Rendah.* Scribd. Retrieved November 29, 2022, from <https://www.scribd.com/doc/272338906/hafazan-sekolah-rendah>
- Sedek bin Ariffin, Sabri bin Mohamad, Shahrudin bin Saad, Mohd Zaini bin Zakaria, Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah, Mohd Sa'di bin Md Said, Riswadi bin Azmi. (2016). *Keunikan Metodologi Hafazan Al-Quran Deobandy Dari India.*
- Sedek Bin Ariffin. (2011). Keunikan Metode-Metode Hafazan Al-Quran Di Dunia : Suatu Tinjauan Terhadap Kaedah Di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia, Dan Turki.
- Yahaya, M., Rasheed, Z. N., & Selamat, A. F. (2018). *Isu dalam pendidikan tahfiz: Satu analisis. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor.*
- Yahaya, M., Rasheed, Z. N., & Selamat, A. F. (2018). *Isu dalam pendidikan tahfiz: Satu Analisis. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor.*
- Yusof, N. H. (2020). Kaedah pintar murajaah al-quran: kajian di institusi pengajian tahfiz Malaysia. *Tamaddun: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*, 21(2), 219-230.
- Zakaria, F.I., Noh, M.A., & Razak, K.A. (2018). Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz Di Institusi Tahfiz Swasta (Tahfiz Students' Learning Practices in Private Tahfiz Institutions). *Jurnal Pendidikan Malaysia.*